

# Ke-12 paling mudah jalankan perniagaan

24/10/12 MS 2 Metro

» **Malaysia dapat perakuan Bank Dunia**

Oleh **Mahanum Abdul Aziz**  
mahanum@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

**M**alaysia mendapat perakuan Bank Dunia sebagai negara ke-12 paling mudah menjalankan perniagaan di dunia.

Menurut Laporan Menjalankan Perniagaan 2013 yang dikeluarkan bank itu semalam, Malaysia meningkat enam anak tangga daripada kedudukan ke-18 pada tahun sebelumnya.

Kedudukan terkini itu meletakkan Malaysia di kedudukan lebih tinggi mengatasi Sweden (ke-13), Taiwan (ke-5), Jerman (ke-20), Jepun (ke-24) dan Switzerland (ke-28).

Di rantau ASEAN, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Singapura tetapi di hadapan Thailand, Indonesia, Vietnam, Brunei, Filipina, Kemboja dan Laos.

## Perbaiki kedudukan

Laporan itu menunjukkan Malaysia memperbaiki kedudukan daya saing dalam lima bidang perniagaan, iaitu Kemudahan Bekalan Elektrik (daripada kedudukan ke-59 kepada ke-28), Pendaftaran Hartanah (59 kepada 33), Pembayaran Cukai (41 kepada 15), Perdagangan Rentas Sempa-

INFO

**SENARAI 20 NEGARA TERBAIK DALAM LAPORAN MENJALANKAN PERNIAGAAN 2013 OLEH BANK DUNIA**

EKONOMI	2013	2012	2011
Singapura	1	1	1
Hong Kong	2	2	2
New Zealand	3	3	3
Amerika Syarikat	4	4	4
Denmark	5	5	5
Norway	6	6	7
United Kingdom	7	7	6
Korea Selatan	8	8	15
Georgia	9	16	17
Australia	10	15	11
Finland	11	11	14
<b>Malaysia</b>	<b>12</b>	<b>18</b>	<b>23</b>
Sweden	13	14	9
Iceland	14	9	13
Ireland	15	10	8
Taiwan	16	25	24
Kanada	17	13	12
Thailand	18	17	16
Mauritius	19	23	21
Jerman	20	19	19

“**Peningkatan itu adalah lonjakan paling tinggi dalam kedudukan daya saing Malaysia. Ia mengesahkan Malaysia sebagai ekonomi berdaya saing**”

**Mustapa Mohamed,**  
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

dan (29 kepada 11) dan Urusan Permit Pembinaan (113 kepada 96).

Bank Dunia juga meletakkan Malaysia pada kedudukan keempat dalam kategori Melindungi Pelabur dan tempat pertama seiring dengan Afrika Selatan dan United Kingdom bagi kategori Kemudahan Mendapatkan Pinjaman.

Ia juga mengakui Malaysia sebagai antara 10 negara di rantau Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) membuat pembaharuan yang menunjukkan kemajuan terkehadapan dalam amalan peraturan.

Mengulas mengenainya, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata ia adalah peningkatan yang memberangsangkan, sekaligus menunjukkan haluan daya saing negara meningkat sejak empat tahun lalu.

“Peningkatan itu adalah lonjakan paling tinggi dalam kedudukan daya saing Malaysia. Ia mengesahkan Malaysia sebagai ekonomi berdaya saing dan menggambarkan kejayaan kerajaan memperbaiki persekitaran perniagaan serta menjadikannya lebih kondusif untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi,” katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, Bank Dunia juga memperakui agenda pembaharuan kerajaan yang didorong oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dan Unit Pengurusan dan Prestasi Pelaksanaan (PEMANDU).

Mustapa berkata, perakuan Bank Dunia itu juga meng-

gambarkan penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan awam dan kecekapan keseluruhan jentera kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

## Petunjuk kuantitatif

Laporan Menjalankan Perniagaan 2013 adalah edisi ke-10 di dalam siri laporan tahunan dan terbitan bersama Bank Dunia dengan Perbadanan Kawangan Antarabangsa.

Ia mengukur peraturan perniagaan bagi syarikat domestik secara objektif dengan memfokuskan kepada transaksi, undang-undang dan institusi yang disempurnakan berbanding persoalan generik, berasaskan persepsi mengenai persekitaran perniagaan.

Ia juga mewakili petunjuk kuantitatif mengenai peraturan yang boleh diguna pakai syarikat di peringkat berbeza pada kitaran kehidupan masing-masing. Laporan tahunan itu meliputi 11 bidang dan 185 ekonomi berbanding 183 pada 2012 dengan dua kemasukan baru, iaitu Barbados dan Malta.